ini, ia menunjukkan faktor minat akan mempengaruhi kesungguhan seorang usahawan untuk mencapai matlamat perniagaan yang telah ditetapkan. Yusof Boon dan Sapiah Bohari (2005) pula, menyatakan bahawa minat atau kesukaan terhadap sesuatu perkara akan mendorong seseorang pelajar untuk meneroka dengan lebih jauh dan minat tersebut perlu ditanam dalam diri setiap pelajar. Semakin tinggi minat seseorang dalam sesuatu perkara, semakin tinggi semangatnya bagi mencari jalan untuk mengukuhkan minatnya tetapi jika pelajar tersebut tidak berminat akan perkara tersebut, maka keupayaan atau kesungguhan untuk memperolehi maklumat akan menjadi lemah dan kurang daya usaha. Pengkaji dapati Hisrich et al. (2008), Ab Aziz dan Zakaria Yusuf (2004) dan Yusof Boon dan Sapiah Bohari (2005) ini menunjukkan dapatan yang sama iaitu faktor minat sangat mempengaruhi seseorang pelajar itu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, pembentukan minat dalam diri pelajar asnaf boleh juga dipengaruhi oleh faktor lain seperti latar belakang keluarga dan rakan sebaya. Karier keusahawanan seseorang dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibubapa yang mana jika seseorang mempunyai ibu atau bapa yang bekerja sebagai usahawan akan menjadikan atau menimbulkan minat dalam diri anak mereka untuk menjadi seperti ibu bapa mereka (Hisrich et al 2008). Ibu dan bapa menjadi salah satu elemen penting yang dapat menimbulkan minat dalam diri anak-anak mereka supaya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Kebiasaannya, anak-anak akan mengikut jejak ahli keluarga mereka yang berjaya dan cenderung untuk belajar dan bekerja seperti individu tersebut.

Seterusnya Aziz dan Zakaria (2004) menjelaskan lagi, faktor minat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan seorang usahawan yang berjaya. Seseorang itu tidak dilahirkan sebagai seorang usahawan dan ciri-ciri keusahawanan itu tidak boleh diwarisi. Seseorang itu boleh menjadi usahawan apabila mereka melalui sendiri proses-proses dalam pembangunan atau pembentukan usahawan. Dan yang paling utama, untuk menjadi usahawan, seseorang itu memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi. Oleh itu, sesiapa pun boleh menjadi seorang usahawan akan tetapi, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dalam perniagaannya, haruslah mempunyai minat yang mendalam agar kesungguhan untuk memajukan perniagaannya itu dapat ditingkatkan dan tidak berputus asa.

2. Faktor Pendidikan

Pendidikan Perdagangan telah diperkenalkan pada tahun 1960an iaitu ketika bermulanya kurikulum pengajaran perdagangan dalam sistem aneka jurusan diperingkat sekolah menengah rendah. Kemudian ia ditukarkan kepada kurikulum perdagangan dan keusahawanan yang dilaksanakan sepenuhnya sejak tahun 1985. Pada tahun 1989, mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran yang lama kerana pendedahan ilmu perdagangan dan keusahawanan hanya terhad kepada pelajar yang mengambil subjek perdagangan sahaja berbeza dengan subjek KHB yang mana semua pelajar berpeluang untuk mempelajarinya (Norasmah Hj. Othman, 2007).

Mulai dari Julai 2007 dan seterusnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewajibkan kesemua pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengambil mata pelajaran keusahawanan sebagai satu mata pelajaran yang wajib

(Utusan Malaysia, 2 Julai 2007). Ini selari dengan pewartaan Pelan Strategik Pendidikan Negara (2011-2015) yang menfokuskan kepada mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan bagi meningkatkan daya keusahawanan dalam kalangan pelajar- pelajar yang juga akan menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini menunjukkan usaha kerajaan dalam memupuk minat dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga berpendapat adalah penting bagi pelajar-pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti diberikan pendedahan dan diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari serta mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti dan membuka peluang (Pelan strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia).

Barjoiy Bardai (2000), menyatakan bahawa ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau dikenali sebagai *k-ekonomi* menuntut masyarakat keusahawanan yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran supaya tidak jauh ketinggalan. Malah, kajian daripada Rahmah dan Nor Aini (2007) juga telah menyimpulkan bahawa *k- ekonomi* adalah suatu transformasi yang harus dimiliki oleh setiap negara pada masa kini bagi menghadapi persaingan ekonomi yang semakin sengit antara negara. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam melahirkan usahawan yang berdaya maju seiring membangunkan ekonomi negara. Kajian ini disokong oleh Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin (2011) yang mendapati pendekatan keilmuan dan pendidikan adalah mekanisma yang paling berkesan untuk menerapkan budaya keusahawanan kerana pendidikan meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang membantu seseorang individu merancang masa depan serta berkemahiran dalam menyelesaikan masalah.

Selain itu, Warman et al. (2010), Abdul Aziz (2010), dan Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) menjelaskan kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi kecenderungan pelajar menceburi dunia keusahawanan. Kajian juga mendapati kebanyakan program-program yang dilaksanakan di peringkat institusi pendidikan dapat membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Terdapat banyak program dan latihan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta dan antara program- program tersebut adalah Persatuan Usahawan Graduan (PUGM) yang telah ditubuhkan pada September 2004 ialah satu platform kepada para graduan yang berminat dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya untuk menjana pendapatan yang lumayan, tetap dan berdaya saing (Asmawi Hashim et.al 2008). Selain itu, Program Pengusaha Muda, Program Usahwan Muda, Pogram Skim Usahawan Siswazah, Program Pembangunan Usahawan Siswa, Program Tunas Bestari dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kelab-kelab usahawan di sekolah (Norasmah,2002) didapati telah dapat memupuk kecederungan pelajar menceburi dunia keusahawan.

3. Faktor Bantuan dan Sokongan Lembaga Zakat

Lembaga Zakat ditubuhkan untuk menguruskan kutipan dan pengagihan dana zakat dan ia bergerak sebagai salah sebuah institusi Islam yang berperanan dalam menyusun dan

membangunkan kekuatan sosio ekonomi ummah serta ia telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia. Salah satu objektif penubuhan Lembaga Zakat adalah untuk merapatkan jurang pendapatan atau ekonomi ke tahap yang paling minimum di dalam sesebuah masyarakat (Zulkefly Abd Karim et.al 2004).

Terdapat negeri yang melantik badan khusus untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat seperti Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Dan terdapat juga negeri yang menjalankan aktiviti kutipan dan pengagihan melalui Majlis Agama Islam seperti yang dilaksanakan di negeri Johor dan Kelantan. Malah, ada juga yang menjalankan pengutipan serta pengagihan yang berasingan seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) dan Baitulmal atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Memandangkan skop kajian ini dijalankan ke atas pelajar asnaf yang mendapat tajaan LZS di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), maka pengkaji akan fokus kepada sokongan dan bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan memberi bantuan dan sokongan kepada asnaf menceburi bidang keusahawanan. Dari segi sejarah, Penubuhan LZS adalah untuk memperkasakan pengurusan institusi zakat dengan memaksimumkan potensi kutipan zakat, menangani dan membasmi kemiskinan, meningkatkan syiar Islam serta membangunkan sosio ekonomi ummah dan menyediakan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti. (Lembaga Zakat Selangor, 2006)

Pada awalnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) hanya bermula dengan sebuah pusat kemudian berkembang menjadi Lembaga Zakat yang berfungsi untuk mengumpul dan mengagihkan zakat. Pada tahun 2003, LZS telah menjalankan proses pemberian bantuan modal kepada golongan asnaf yang berkelayakan. Selain itu, bagi memantau kelancaran program keusahawanan, LZS telah membentuk satu unit khas iaitu Jabatan Pembangunan Asnaf (JPA) pada tahun 2005. Antara program yang dijalankan adalah Program Keusahawanan yang berbentuk jangka panjang dan berperanan untuk meningkatkan taraf hidup golongan asnaf. Terdapat beberapa kriteria yang diambil berat oleh LZS dalam pemilihan asnaf yang berkelayakan, antara kriteria tersebut adalah kebolehan serta kemampuan mental dan fizikal bagi memperoleh pendapatan untuk menyara keluarga mereka. Bantuan yang disediakan adalah modal permulaan bagi perniagaan yang berskala kecil seperti perniagaan, pertanian dan akuakultur serta memantau proses pemasaran dan setiap kemajuan perniagaan. Seterusnya LZS telah menubuhkan Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) Zakat untuk memantau pembangunan ekonomi asnaf selangor yang terlibat dalam perniagaan untuk memastikan asnaf-asnaf yang diberikan bantuan perniagaan berjaya dalam perniagaan dan akhirnya keluar dari kategori asnaf.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Patmawati (2005) agihan zakat yang produktif dapat membantu memberikan peluang kepada usahawan-usahawan asnaf untuk menjana pendapatan yang lebih baik, malah mereka juga dilatih menjadi seorang usahawan yang berjaya melalui program-program latihan yang disusun. Dengan adanya bantuan dan sokongan daripada pihak-pihak berkenaan seperti Lembaga Zakat, masalah kemiskinan dapat dikurangkan. Ini terbukti melalui dapatan kajian Muhammad Haris Riyaldi (2012) yang mendapati sebahagian usahawan asnaf telah berjaya meningkatkan produksi dan pendapatannya selepas mendapat bantuan dana zakat. Di samping pendapatan masing-masing telah meningkat, mereka juga telah merasakan

terjaminnya kesihatan dan pendidikan bagi keluarganya. Sebahagian pula berjaya memiliki tabungannya bagi keperluan di masa akan datang

Manakala Azman Abd Rahman et al. (2014) menerangkan bantuan modal diberikan setelah pihak zakat melihat potensi perniagaan dan bantuan yang diberikan terdiri daripada dua jenis iaitu modal awal perniagaan dan pembelian asset tetap (barangan keperluan perniagaan seperti mesin) dan sewaan premis. Bantuan modal yang diberikan terbahagi kepada dua iaitu kurang dari RM 5000 untuk asnaf fakir, miskin dan muafak yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan bantuan modal sebanyak RM 5,000 sehingga RM 50,000 bagi asnaf fakir, miskin dan muafak yang menjalankan perniagaan berskala besar seperti restoran, kedai dobi, makanan tradisional, bengkel kenderaan dan sebagainya. Selain dari menyediakan bantuan modal, pihak zakat juga membekalkan latihan dan kursus dalam usaha meningkatkan motivasi diri, keyakinan serta pengetahuan dalam bidang perniagaan ini (Azman et.al 2014).

Selain daripada menyediakan bantuan dari segi modal dan latihan, pihak LZS juga menjalankan pemantauan pada setiap aktiviti peniaga asnaf bagi memastikan usaha perniagaan berjalan lancar. Di samping itu, mereka juga membuat penyelidikan terhadap produk-produk yang dihasilkan bagi memastikan produk-produk tersebut diterima umum dan juga untuk memperbaiki sebarang kelemahan jika terdapat pada produk yang dihasilkan (Akhtar Sahari, 2007).

Dengan mengikuti program dan aktiviti yang telah disediakan oleh pihak Lembaga Zakat, para usahawan asnaf dapat meningkatkan potensi mereka untuk berdaya saing di pasaran serta mengembangkan perniagaan mereka diperingkat antarabangsa. Secara tidak langsung, para usahawan asnaf yang disantuni oleh LZS ini dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan menjadi seorang *muzakki* yakni pembayar zakat serta membantu masyarakat lain yang memerlukan yang mana di kenali sebagai proses “*turning over*”.(Hisham Sabri et al., 2006). Dengan pelbagai bantuan yang disediakan oleh Lembaga zakat ini dapat memberi galakan kepada pelajar-pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan semasa dan selepas bergradusi.

METODOLOGI KAJIAN


Kertas kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui sumber primer dan sekunder. Kaedah pengumpulan data melalui sumber primer dilakukan melalui kajian kepustakaan iaitu buku, jurnal dan artikel-artikel yang lepas serta portal rasmi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Manakala, kaedah pengumpulan data sekunder dilakukan melalui edaran borang soal selidik secara rawak kepada 215 orang responden yang terdiri daripada pelajar asnaf daripada jumlah keseluruhan 415 pelajar asnaf (Populasi) dalam pelbagai program di KUIS sehingga Disember 2016. Daripada jumlah itu hanya 196 responden yang memulangkan borang soal selidik dengan lengkap. Instrumen untuk soalan soal selidik dalam kajian ini diubahsuai dan diadaptasi daripada Azilahwati (2012) dan Ariniwati Aliza Miat (2014). Menurut Wan Rosmini (2000), kaedah soal selidik adalah kaedah yang terbaik (berkesan dan mudah) untuk mendapatkan data dalam sesebuah kajian. Data dianalisis menggunakan perisian

SPSS versi 20.0 menggunakan kaedah deskriptif, korelasi dan regresif untuk mencapai objektif kajian yang telah dibincangkan sebelum ini.

Kerangka kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini dijalankan dengan mengadaptasi kajian Azilahwati Adam (2012) dan Erinawati Aliza Miaat (2014). Melalui Rajah 1 di bawah, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah pendidikan, minat dan bantuan dan sokongan Lembaga Zakat Selangor yang dijangkakan akan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan. Pembolehubah tidak bersandar yang baru yang dimasukkan dalam kajian ini adalah bantuan dan sokongan lembaga Zakat Selangor yang tidak dikaji oleh Azilahwati Adam (2012) dan Erinawati Aliza Miaat (2014) ini.

Rajah 1: Kerangka Kajian



Berikut adalah hipotesis-hipotesis untuk kajian ini:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara *faktor minat* dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan

H2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara *faktor pendidikan* dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan di antara *faktor bantuan dan sokongan Lembaga Zakat Selangor* dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan

DAPATAN KAJIAN

Seterusnya di bahagian ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian hasil daripada data yang telah dianalisis untuk menjawab dua objektif yang telah dibincangkan sebelum ini.

Objektif 1

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara faktor minat, pendidikan, bantuan dan sokongan Lembaga Zakat dengan kecenderungan pelajar- pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan.

a) Faktor Minat

Dapatan daripada analisis korelasi dalam Jadual 2 di bawah, mendapati bahawa faktor minat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dengan kekuatan hubungan pada tahap sederhana dengan nilai koefisien adalah sebanyak 0.434 . Maka dengan itu, hipotesis (H1) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor minat dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Pengkaji dapati, dapatan ini selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji yang lepas iaitu Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011), Hisrich et al (2008), yusuf Boon dan Sapiah Bohari (2008) dan Ab Azizi dan Zakaria (2004). Justeru kita tidak dapat nafikan pengaruh minat sangat mempengaruhi seseorang itu menceburi sesuatu bidang keusahawanan. Malah jika mereka mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan, ini akan membawa kecenderungan yang lebih kepada pelajar-pelajar asnaf ini untuk terlibat dalam bidang perniagaan selepas mereka bergraduasi.

Jadual 2: Ujian Korelasi antara Faktor Minat dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

		Minat	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan
Spearman's rho	Minat	Correlation Coefficient	1.000
		Sig. (2-tailed)	.434**
		N	196
	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.434**
		Sig. (2-tailed)	1.000
		N	196

b) Faktor Pendidikan

Hasil ujian korelasi dalam Jadual 3 di bawah, mendapati bahawa faktor pendidikan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia

keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dan ia tidak melebihi nilai 0.05 dengan kekuatan hubungan pada tahap lemah. Nilai koeffisien yang didapati adalah sebanyak 0.256 sahaja. Maka dengan itu, hipotesis (H2) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pendidikan dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Pengkaji dapati dapatan ini selari dengan Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin (2011), Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011), Warman et al (2010) dan Abdul Aziz (2010).

Jadual 3: Ujian Korelasi antara Faktor Pendidikan dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

			Pendidikan	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan
Spearman's rho	Pendidikan	Correlation Coefficient	1.000	.256**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	196	196
	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.256**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	196	196

c) Faktor Bantuan dan Sokongan LZS

Dapatan daripada ujian korelasi yang seterusnya, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor bantuan dan sokongan Lembaga Zakat dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan pada tahap signifikan 0.01 dengan kekuatan hubungan pada tahap lemah dan nilai koeffisien sebanyak 0.383. Justeru, hipotesis (H3) diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor bantuan dan sokongan LZS dengan kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Dapatan ini walaupun ia lemah tapi masih signifikan dan ianya selari dengan dapatan kajian oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini iaitu Azman Abd Rahman et al (2014), Muhammad Haris Riyaldi (2012) dan Patmawati (2005). Justeru kita tidak boleh menafikan bahawa peranan bantuan dan sokongan Lembaga Zakat Selangor masih signifikan dalam mempengaruhi pelajar-pelajar asnaf ini menceburi bidang keusahawanan selepas mereka bgraduasi kelak.

Jadual 4: Ujian Korelasi antara Faktor Bantuan dan Sokongan LZS dengan Kecenderungan Pelajar Asnaf Menceburi Dunia Keusahawanan

			Bantuan	Kecenderungan pelajar menjadi usahawan
Spearman's rho	Bantuan	Correlation Coefficient	1.000	.383**

	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	196	196
Kecenderungan pelajar menjadi usahawan	Correlation Coefficient	.383**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.000	.
	N	196	196

Analisis Korelasi Keseluruhan Kajian

Jadual 5 di bawah pula, menunjukkan analisis Korelasi secara keseluruhan yang melibatkan kesemua pembolehubah. Persamaan $Y: \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$ digunakan bagi menerangkan keputusan analisis korelasi yang telah diperolehi. Simbol (Y) merupakan pembolehubah bersandar iaitu kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan. Simbol (X) pula adalah pembolehubah- pembolehubah yang telah digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada faktor minat, faktor pendidikan, faktor bantuan dan sokongan LZS dan juga faktor kemiskinan. Jadual 5 di bawah dapat membantu menerangkan dengan lebih lanjut.

Persamaan Korelasi (r)

$$Y: \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$$

Y= minat + pendidikan, Bantuan +Sokongan Lembaga Zakat

$$Y= 0.434+ 0.256+ 0.383$$

Berdasarkan Jadual 5 dan persamaan korelasi di atas dapat dilihat bahawa kesemua faktor mempunyai hubungan yang positif terhadap kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan tetapi setiap faktor berada pada tahap kekuatan hubungan yang berbeza. Faktor yang paling dominan ialah faktor minat yang mana nilai korelasinya adalah 0.434 iaitu 43.4 peratus mempengaruhi Y. Faktor yang terendah adalah faktor pendidikan kerana nilai yang didapati hanya 0.256 iaitu 25.6 peratus sahaja pengaruhnya terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. Dapatan ini menggambarkan walaupun pelajar asnaf itu mendapat pendidikan keusahawanan di universiti secara langsung atau tidak langsung melalui program-program yang dijalankan di universiti dan juga mereka mengetahui jika mereka bergradusi mereka juga boleh mendapatkan bantuan atau sokongan LZS untuk memulakan perniagaan tetapi faktor yang paling kuat yang membawa kepada kemungkinan mereka ini menceburi bidang perniagaan adalah minat. Minat memainkan peranan yang besar berbanding faktor pendidikan dan juga bantuan dan sokongan LZS.

Jadual 5: Analisis Korelasi Keseluruhan

		Minat	Pendidikan	Bantuan LZ
Kecenderungan pelajar asnaf menjadi usahawan	Korelasi Pearson	.434**	.256**	.383**
	Sig. (2 tailed)			
	N	.000 196	.000 196	.000 196

Objektif 2

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar-pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan.

Untuk mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar-pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan pengkaji menggunakan kaedah analisis Regresi Linear. Berdasarkan Analisis regresi dalam Jadual 6 di bawah, ia menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah dalam kajian ini mempunyai pengaruh positif sebanyak 43.6 peratus ke atas kecenderungan pelajar asnaf menceburi dunia keusahawanan. Perkara ini dijelaskan dengan dapatan nilai regresi sebanyak $R^2 = 0.436$. Manakala, jika diperhatikan nilai R^2 yang diselaraskan (adjusted R Square) adalah 0.425 yang menunjukkan nilai yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, pembolehubah yang tidak bersandar (IV) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi bidang keusahawanan.

Jadual 6: Analisis Regresi Linear

Model	R	R Square (r^2)	Adjusted R Square (pelarasan r^2)	Std. Error of the Estimate
1	.661 ^a	.436	.425	.50552

a.Predictors: (Constant), iv2, iv3, minat

b.Pembolehubah Bersandar: Pelajar Asnaf menjadi usahawan

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, kemua faktor yang dikaji mempunyai hubungan signifikan kepada kecenderungan pelajar asnaf untuk menceburi bidang keusahawanan selepas mereka bergraduasi. Namun faktor minat mempunyai tahap signifikan paling tinggi berbanding faktor pendidikan dan bantuan serta sokongan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Justeru kajian ini diharapkan boleh dijadikan panduan oleh pelajar asnaf, pihak universiti dan Lembaga Zakat dalam menyediakan program-program yang berkesan yang boleh menarik minat pelajar-pelajar asnaf menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi. Ini kerana kita tidak boleh menyangkalkan peranan besar bidang ini yang mampu mengubah status keluarga asnaf serta mengukuhkan lagi sumber pendapatan golongan ini.

Selain itu Pihak Lembaga Zakat terutamanya LZS juga disarankan dapat mempelbagaikan program-program yang dapat meningkatkan lagi serta mencungkil bakat yang terpendam dalam diri pelajar asnaf supaya mereka dapat menjadi orang yang berjaya dan juga dapat keluar daripada belenggu kemiskinan. Dengan kata lain, berlaku anjakan paradigma dalam kehidupan mereka daripada *Mustahiq* (penerima bantuan zakat) kepada seorang *Muzakki* (pembayar zakat) pada suatu hari nanti.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan di bawah untuk kajian lanjutan:

- i- Skop kajian diperluaskan dengan membuat perbandingan di beberapa institusi pendidikan untuk melihat perbezaan kecenderungan pelajar asnaf menceburi bidang perniagaan.
- ii- Meluaskan skop kajian dengan membuat perbandingan pelajar asnaf di negara lain seperti Indonesia dengan Malaysia.
- iii- Membandingkan sistem bantuan dan sokongan untuk perniagaan oleh Lembaga Zakat Selangor dan di negeri-negeri lain dalam Malaysia
- iv- Kajian ini juga boleh menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual dengan pelajar asnaf yang telah berjaya menjadi usahawan, yang mungkin dapatan kajiannya lebih mendalam berbanding kaedah kuantitatif yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Rujukan

Al Quran

- Ab. Aziz, Y., & Zakaria, Y. (2004). *Prinsip keusahawanan*. Edisi Kedua. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Ab. Aziz, Y. (2010). *Pengenalan kepada usahawan dan keusahawanan*. Kuala Lumpur: ScholarMind Publishing.
- Adam, A., Abdul Razak, S., & Abu Bakar, M. H. (2011). *Kecenderungan pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin terhadap keusahawanan*. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.
- Azman, A. R. (2014). *Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Azman, A. R., Mohamad, Y. A. B., Mohammad, N. N., & Mahdir, A. (2014). *Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah*. Universiti Sains Islam Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014* e-ISBN 978-967-11768-4-9, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azman, A. R., Mohamad, Y. A. B., Mohammad, N. N., Mahdir, A., Ahmad, A. M. F., & Mohd Faez, A. B. (2016). *Program usahawan bagi memperkasakan ekonomi golongan asnaf: pemantauan dari aplikasi MYEMA*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 7. 2016. eISSN: 0127-8886
- Akhtar, S. (2007). *Program keusahawanan cerahkan masa depan asnaf*. asnaf.
- A. Wahab. (2013). *Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang kejuruteraan mekanikal di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Azilahwati, A., Syahrizad, A. R., & Muhammad, H. A. B. (2012). *Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin*. Kolej Komuniti Jasin, Melaka.
- Barjoiyai, B. (2000). *Keusahawanan dan perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (2007).
- Boon, Y. & Abdol, A., & A.zizi. (2010). *Profil keusahawanan di kalangan pelajar tahun empat ijazah sarjana muda teknologi serta pendidikan (kejuruteraan elektrik)*. pp 1-6. (Unpublished).
- Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://ekamus.dbp.gov.my/>
- Eriniwati, A. M. (2014). *Faktor yang mendorong kecenderungan pelajar kolej vokasional ke arah bidang keusahawanan*. Tesis ijazah sarjana pendidikan teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Reka bentuk instruksional dan teknologi), <http://eprints.uthm.edu.my/>

- Farahwahida, M. Y., Aminudin, H., Mohd Nasir, R., Zulkiflee, H., & Nurul Huda, M. (2015). Keusahawanan menurut perspektif al-qur'an. Edisi Pertama. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Fatimah, S. A. H., Mohd Yahya, M. H., Azila, A. R., Fidlizan, M., Mohamad Azahari, A. (2014). Faktor penentu prestasi bukan kewangan usahawan asnaf zakat di negeri Selangor. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Prosiding Konferens Masjid, Zakat dan Waqaf (IMAF 2014)* (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fauzi, H., Jamal, A., & Mohd Saifoul, Z. N. (2014). Kaedah penyelidikan dan analisis data SPSS. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok 2014.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Mohd Ali, M. N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir miskin. *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research*, No.1 Vol.1, FEM, KUIM, h.151-166.
- Hisrich, R.D.. & Peters, M.P. 2008. *Entrepreneuership*. Edisi Ke 4. Boston: Irwin McGraw Hill.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2005). *Entrepreneurship* (6 ed.). New York: McGraw-Hill Irwin.
- Hairunnizam, W., et.al (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?. *Jurnal Syariah*. Jil. 17, Bil. 1.
- Hairunnizam, W. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: kajian di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Ekonomi Islam 2008/2009* anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 10-11 Februari 2009.
- Hisham, S., & Zulkifli, H. (2006). Zakat: Instrumen penyumbang pembentukan usahawan. Universiti Sains Islam Malaysia. Kertas kerja ini dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam* pada 8-9. Ogos 2006 di Kolej Islam Pahang Sultan Ahamad Shah (KIPSAS), Kuantan.
- Ibrahim, A. B. (1997). Ciri-ciri usahawan Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Kuala Lumpur.
- Isma, A. J., & Mohamad Zahir, Z. (2011). Pembangunan modal insan dalam kalangan fakir dan miskin sebagai usahawan: Kajian kes di Lembaga Zakat Selangor. *Journal Of Human Capital Development*. 4(2), 41-56.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008). Manual pengurusan pengiraan zakat. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan.
- Kuratko, D. & Hodgetts, R.M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, process and practice*. 6th ed. Mason, Ohio: South-Western, Thompson.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007a). *Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007b). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*.
- Mohd Rosli. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. Jabatan Ikhtisas Pendidikan .Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Majalah Asnaf, Isu 40. (2015). Terbitan Lembaga Zakat Selangor.
- Mohd Zain, M. (2016). Keusahawanan Islam, Rasulullah S.A.W dan sahabat sebagai ikon usahawan berjaya. Penerbit UMK 2016.
- Mohamed Izam, M. Y. (2010). Pengurusan zakat di negeri Selangor: Mengorak langkah meneraju perubahan. Zakat transformation: From subsistence to productive. Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember. Malaysia: Penang.
- Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). *Pengurusan Zakat*. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Majid, K. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Najib, A. G. (2003). Rekabentuk tinjauan soal selidik pendidikan. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusuf, A. (1996). Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Haris, R. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnjaf Baitul Mal Aceh: Satu analisis, lertas kerja ini dibentangkan dalam *International Graduate Workshop (INGRAW) 2012 ke-7* pada 30 –31 October 2012. Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri, S., & Fadzila, A. A. (2000). Pengurusan kemiskinan dalam Muhammad Syukri Salleh Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar. Pulau Pinang. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Nor Aishah, B. (2002). Asas keusahawanan. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Nik Mustapha, N. H. (2001). Kaedah pengagihan dana zakat satu perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nooraini, O., & Siti Soleha, M. (2006). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norasmah, H. O., & Halimah, H. (2007). Keusahawan remaja Malaysia. Serdang: Penerbit UPM
- Norasmah H. O. (2002). Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Norasmah, O., Nor Hafiza, O., Poo, B. T., & Rahmah, I. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Universiti Kebangsaan Malaysia. Prosiding PERKEM VII, Jilid 1, p (435-445).
- Mohd Rosli, F. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Patmawati, I. (2005). Potential roles of zakat distribution in reducing income inequality among the muslim society dalam Abdullah Alwi Hj Hassan et al. Teori dan aplikasi kontemporari sistem ekonomi Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Piaw, C.Y. (2012). Asas Statistik Penyelidikan. Malaysia. Mc Graw Hill.
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2017). <https://www.zakatselangor.com.my>
- Rosbi, A. R. et al. (2008). Pelaksanaan bantuan modal zakat: Analisis perbandingan (Kertas Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia di Universiti Malaya, 27-28 November 2008), h. 450-459.
- Rahmah, I. & Nor Aini, I. (2007). Globalisasi dan daya saing global: satu tinjauan. dlm Rahmah, I., Nor Ain, I. Razak, Mohd (pytg.). hlm 17-32. Pembangunan Sumber Manusia dalam era K-Economy. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salmianti, M. (2013). Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno Social*. Vol 5, No 1. ISSN 2229-8940.
- Sarimah, H. A. S., & Cecilia, S. T. L. (2013). Entrepreneurship Edisi Ketiga. Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Sabitha, M. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Shuhairimi, A. & Ku Halim, K. A. (2010). Keusahawanan Islam. Penerbit Universiti Malaysia Perlis, Kangar.
- Unit Perancang Ekoonomi. (2007). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006- 2010. Putrajaya: UPEN, Jabatan Perdana Menteri. Utusan Malaysia, 2 Julai 2007.
- Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H. Mohamed, M., & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan. Kota Bharu, Kelantan. pp 206-211.

- Yahaya, I. (2014). Keusahawanan dan daya saing dalam sektor perlancongan pulau. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2014.
- Yusof, B., & Sapiah, B. (2010). Kesiediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar – pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zafir, M. M., & Fazilah, M. H. (2003). Menjadi Usahawan. Penerbit PTS
- Zakiah, J. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. volume 37. Ms 5017. Jun 2011
- Zimmerer. T.W., & Scarborough. N.M. (2008). Essentials of entrepreneurship and small business management. Pearson Education Inc., New Jersey.
- Zulkefly, A. K., Mohd Azlah, S. Z., & Hairunnizam, W. (2004). Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat: Pengalaman di negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Dalam Hailani Muji Tahir (penyt) Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. hlm 79-94

**Kesedaran Terhadap Faktor Keselamatan dan Kesihatan Dalam
Kalangan Pekerja Sektor Pembuatan**
*Awareness of Occupational Safety and Health Factors Among
Workers in Manufacturing Sector*

Uyun Naim Muhamad Yusri, Nor Suhaily Bakar, Nuzul Akhtar Baharudin
& Shuhaimi Jaafar
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norsuhaily@kuis.edu.my

Received: 08 September 2018

Accepted: 15 November 2018

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pekerja di Amsteel Mill Sdn Bhd terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kajian ini memfokuskan kepada keselamatan pekerja semasa berada di tempat kerja, cara untuk melakukan kerja dalam keadaan selamat, melakukan kerja berpandukan polisi keselamatan yang telah ditetapkan oleh syarikat dan polisi pemakaian semasa memasuki kilang yang mana kesemuanya adalah bertujuan untuk membantu mengelakkan berlakunya kemalangan semasa bekerja. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja di Amsteel Mill Sdn Bhd Bukit Raja, Klang. Terdapat tiga pemboleh ubah yang difokuskan di dalam kajian ini iaitu, polisi keselamatan, penggunaan loji dan bahan, serta peranan dan kewajipan am pekerja. Data-data yang diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada 95 responden yang merupakan pekerja dari bahagian operasi di Amsteel Mill Sdn Bhd, Bukit Raja, Klang. Data dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 23.0* SPSS. Analisis diskriptif digunakan di dalam kajian ini. Hasil daripada analisis menunjuk tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci: Kesedaran keselamatan dan kesihatan, Polisi Keselamatan, Penggunaan Loji dan Bahan, Peranan dan Kewajipan Am Pekerja.

ABSTRACT

This study aimed to identify the level of awareness of employees at Amsteel Mill Sdn Bhd on workplace safety and health. This study focuses on employee safety while at work, how to perform a job in a safe manner, performing work in accordance with company-defined safety policies and the use of policies when entering a factory, all of which aim to help prevent accidents at work. The objective of this study was to identify the level of safety and health awareness among employees at Amsteel Mill Sdn Bhd Bukit Raja, Klang. There are three variables that are highlighted in this study, namely, the security policy, the use of plant and

materials, as well as the role and general duties of workers. The data obtained from this study was based on a questionnaire distributed to 95 respondents who are employees of Amsteel Mill Sdn Bhd's operations division, Bukit Raja, Klang. Data were analyzed using the Statistic Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 23.0 SPSS. Discrete analysis was used in this study. The results of the analysis indicate the level of awareness of workers' safety and health in the workplace.

Keywords: *Occupational safety and health awareness, Safety Policy, Plant and Material Usage, Role and General Duties of Employees.*

PENGENALAN

Keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja adalah merupakan aspek yang penting kepada sesebuah organisasi yang bertujuan untuk melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja. Ia adalah satu tanggungjawab berat yang perlu dipikul oleh sesebuah organisasi yang termaktub di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKPP 1994). Ia adalah bertujuan untuk melindungi pekerja daripada terlibat dengan perkara yang tidak diinginkan seperti kecederaan, gangguan kesihatan dan yang lebih berat iaitu kehilangan nyawa semasa di tempat kerja. National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) mendefinisikan keselamatan dalam pekerjaan adalah suasana pekerjaan yang bebas daripada bahaya kemalangan bukan hanya untuk orang yang bekerja tetapi juga kepada orang awam yang akan menjejaskan aktiviti pekerjaan yang dijalankan.

Isu-isu kemalangan yang berlaku sering kali dikaitkan dengan sektor pekerjaan berisiko seperti sektor pembuatan yang mana banyak menyumbang kepada berlakunya kemalangan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (2018), sejumlah 1,251 kes kemalangan di tempat kerja disiasat sehingga April 2018. Sektor pembuatan mencatatkan jumlah kes yang tertinggi berbanding sektor-sektor pekerjaan yang lain. Oleh itu, kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja perlu diambil serius oleh pekerja dan juga majikan dalam memastikan kurangnya risiko yang boleh mengakibatkan kemalangan di tempat kerja (Raudhiah, Nakiah, & Hashim, 2015).

Amsteel Mill Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat perindustrian pembuatan besi yang terbesar, moden dan berteknologi tinggi di Malaysia. Seperti syarikat-syarikat lainnya, Amsteel juga memiliki polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja mereka terjaga. Walaubagaimanapun, masih lagi terdapat kemalangan yang berlaku di dalam syarikat ini. Antara kemalangan yang berlaku di Amsteel Mill Bukit Raja, Klang adalah pekerja melecur keseluruhan badan akibat terkena percikan air panas yang digunakan untuk memasak besi dimana setelah diselidik, kes itu berpunca daripada pencangkuk kren yang membawa kawah besi itu terputus menyebabkan kawah yang berisi air besi panas tidak stabil dan merecik kepada pekerja tersebut. Ini berlaku disebabkan oleh penyelenggaraan terhadap peralatan-peralatan yang digunakan semasa bekerja tidak dilakukan dengan kerap dan tidak seiring dengan apa yang telah ditetapkan seperti di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967. Terdapat kes kemalangan yang berlaku apabila sebatang besi yang jatuh dari tempat susunannya menyebabkan kecederaan parah dibahagian peha pekerja tersebut. Perkara ini

berlaku kerana besi-besi tersebut disusun secara membukit dan mengakibatkan ia terjatuh dan mencederakan pekerja. Terdapat kes kemalangan yang berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pekerja itu sendiri di mana tangan seorang pekerja tersepit semasa mesin tersebut sedang diselenggara oleh rakannya yang lain. Jelas disini menunjukkan bahawa pekerja tersebut tidak memainkan peranan dan tanggungjawabnya sebagai pekerja mengikut dasar keselamatan dan langkah penggunaan mesin atau jentera dengan betul seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Amsteel Mill. (Bahagian Sumber Manusia Amsteel Sdn Bhd, 2017).

Tidak dinafikan, berlakunya kemalangan adalah satu perkara yang tidak dapat dijangka, namun ianya adalah bukan alasan untuk majikan dan pekerja mengabaikan aspek berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Mansur, 2009). Oleh itu, kajian ini dibuat adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Terdapat tiga pemboleh ubah yang difokuskan di dalam kajian ini iaitu, polisi keselamatan, penggunaan loji dan bahan, serta peranan dan kewajipan am pekerja semasa di tempat kerja.

ULASAN LITERATUR

Keselamatan adalah merupakan langkah-langkah yang diambil berat oleh seseorang untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan kemalangan, kecederaan atau kematian. Keselamatan pekerjaan memberi maksud penghapusan situasi atau keadaan yang berkemungkinan menyebabkan berlakunya kecederaan, manakala kesihatan pekerjaan pula adalah satu cabang pencegahan secara perubatan terhadap seseorang pekerja (Mansur, 2009). NIOSH (2000) mendefinisikan keselamatan dari segi pekerjaan adalah suasana pekerjaan yang bebas daripada bahaya kemalangan bukan hanya untuk orang yang bekerja tetapi juga kepada orang awam dan dalam pada masa yang sama turut menjejaskan aktiviti pekerjaan yang dijalankan.

Kesedaran pekerja terhadap kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dapat membantu mengurangkan kebarangkalian berlakunya kemalangan semasa di tempat kerja. Pihak majikan juga perlu mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan pekerja mereka peka dengan isu-isu keselamatan yang mana ia mampu meningkatkan kesedaran pekerja. Dalam satu kajian tahap kesedaran keselamatan yang dilakukan ke atas pekerja kuari menunjukkan 56.9% responden bersetuju bahawa cadangan keselamatan dan kesihatan yang dibuat oleh pihak majikan seharusnya diberikan perhatian dan perlu digunakan semasa mereka bekerja (Siti, Abdul & Ahmad, 2014). Oleh, itu kesedaran keselamatan mestilah menjadi salah satu perkara asas yang dititikberatkan oleh majikan dan pekerja itu sendiri bagi memelihara aspek keselamatan di tempat kerja. Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh majikan dalam meningkatkan kesedaran pekerja untuk sentiasa menjaga keselamatan adalah dengan cara menyediakan garis panduan, pendidikan dan latihan kepada para pekerja. Ia sejajar dengan kajian oleh Lai, Liu, & Ling, (2011), latihan keselamatan adalah merupakan salah satu medium yang sangat berkesan untuk mengurangkan kes kemalangan kerana membantu para pekerja mengenalpasti bahaya yang akan mungkin berlaku semasa berada di tempat kerja. Ia juga telah dibuktikan oleh Wan Rosmini (2000) di dalam kajiannya yang mendapati latihan keselamatan dan kesihatan mempengaruhi tahap kesedaran pekerja semasa di tempat kerja.

Setiap majikan dimana-mana syarikat diwajibkan untuk membentuk sebuah polisi keselamatan berpandukan kepada Akta Keselamatan Kesihatan Pekerja 1994 bertujuan bagi

mengurangkan berlakunya risiko kemalangan ditempat kerja. Polisi keselamatan merupakan satu garis panduan yang perlu ada didalam sesebuah syarikat. Hal ini adalah kerana, polisi keselamatan didapati dapat mempengaruhi tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan pekerja di tempat kerja (Raudhiah et al., 2015). Seperti yang dinyatakan oleh Harper & Koehn (1998) polisi keselamatan yang disediakan kepada pekerja dan mereka patuh kepada polisi itu, maka ia mampu meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan. Oleh itu amat penting bagi organisasi untuk menyediakan polisi keselamatan dan kesihatan yang jelas supaya ia dapat meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja semasa mereka bekerja.

Loji dan bahan ditakrifkan sebagai jentera, peralatan, perkakas, alatan atau sebarang komponen dan sebarang benda yang dilengkapkan, disambungkan atau bersampingan dengannya (AKKP 1994) yang bertujuan untuk memudahkan pekerja melaksanakan tugas yang diberi kepada mereka. Namun kebanyakan kes kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh pelbagai faktor dan salah satunya adalah apabila kerja yang dilakukan melibatkan penggunaan jentera dan peralatan yang berbahaya (Misnan et al., 2007). Pekerja harus memastikan segala peralatan atau jentera yang akan digunakan untuk bekerja adalah dalam keadaan yang baik bagi mengelakkan berlaku masalah semasa melakukan kerja menggunakan peralatan atau jentera.

Kejadian kemalangan di dalam industri pembinaan sering dikaitkan dengan kecuaiian dalam pelaksanaan pekerjaan, pengabaian aspek keselamatan, pengabaian program kesedaran dan latihan, tiadanya disiplin, kurangnya komunikasi serta lain-lain lagi gangguan luar yang meningkatkan lagi faktor penyebab terjadinya kes kemalangan. Kebanyakan kemalangan adalah disebabkan tingkahlaku manusia dan bukannya disebabkan oleh kegagalan peralatan (Dilley & Kleiner, 2006). Ini bermakna tingkah laku manusia merupakan elemen penting yang harus diubah bagi meminimumkan kadar kemalangan. Di sini dapat dilihat bahawa pekerja mampu membantu syarikat untuk mengurangkan risiko kemalangan dengan cara memainkan peranan mereka sebagai pekerja yang berhemah tinggi. Seksyen 25 AKKP 1994 menyatakan bahawa, kewajipan pekerja untuk tidak mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa jua yang diadakan atau dilakukan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja (AKKP, 1994). Namun, tidak semua pekerja memiliki sikap dan disiplin yang baik semasa mereka bekerja. Tidak dapat dinafikan adanya pekerja yang melaksanakan tugas yang diberi dengan sambil lewa atau terburu-buru oleh kerana ingin menyiapkan kerja dengan kadar segera sehingga melanggar peraturan yang ditetapkan semasa bekerja dan seterusnya mengakibatkan berlakunya kemalangan.

METODOLOGI

Populasi sasaran bagi kajian ini adalah melibatkan pekerja-pekerja dibahagian operasi di Amsteel Mill Sdn Bhd. Jumlah anggaran pekerja di bahagian ini adalah seramai 110 orang. Berdasarkan jadual sampel oleh Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel bagi populasi 110 orang adalah 86 responden telah memadai diambil dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, pengkaji telah mengedarkan sebanyak 110 borang soal selidik kepada responden. Bagi mencapai objektif kajian ini, soalan soalan selidik telah dibina di manaterdapat 5 bahagian di dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan demografik, Bahagian B adalah soalan-soalan yang merujuk kepada kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan di

tempat kerja, Bahagian C adalah soalan berkenaan dengan polisi keselamatan, Bahagian D adalah soalan berkaitan penggunaan loji dan bahan serta Bahagian E bagi soalan berkaitan peranan dan kewajipan am pekerja. Untuk memastikan kebolehpercayaan item-item di dalam borang soal selidik, ujian kebolehpercayaan *Cronbach* dijalankan seperti yang disarankan oleh (Pallant, 2010) dimana pekali *Cronbach* berukuran 0.7 akan memberikan kebolehpercayaan yang ideal bagi sesuatu item. Oleh itu setiap bahagian soal selidik adalah diuji. Nilai *Cronbach alpha* yang dicatatkan bagi setiap item adalah seperti di dalam Jadual 1 bagi keputusan statistik kebolehpercayaan dan Jadual 2 pula menunjukkan rumusan bagi ujian kebolehpercayaan terhadap pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 1: Statistik Kebolehpercayaan

Cronbach Alpha	Bil. Responden
0.833	30

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)

Pembolehubah	Bilangan Soalan	Cronbach Alpha
Kesedaran Pekerja	5	0.816
Polisi Keselamatan	5	0.822
Penggunaan Logi dan Bahan	5	0.729
Peranan dan Kewajipan Am Pekerja	5	0.770

Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah mengukur tahap kepuasan pelajar dengan menggunakan kaedah diskriptif di mana, tahap kepuasan diukur dengan tiga tahap skor min yang utama iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Setiap skor min tahap ini diukur adalah seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian

Bil	Skor Min	Tahap Penilaian
1	1.00 – 1.67	Rendah
2	1.68 – 3.35	Sederhana
3	3.36 – 5.00	Tinggi

KEPUTUSAN EMPIRIKAL

Daripada 110 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 95 borang soal selidik sahaja berjaya dikumpulkan semula, manakala 15 borang soal selidik lagi tidak di kembalikan kepada pengkaji.

Analisis Demografik Responden

Jadual 4 dibawah menunjukkan daripada 95 responden, sebanyak 85 orang adalah responden lelaki dengan peratusan sebanyak 89.5%. Manakala 10 orang adalah responden perempuan dengan peratusan sebanyak 10.5%.

Jadual 4: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	85	89.5
Perempuan	10	10.5
Jumlah	95	100

Bagi Jadual 5 adalah berkenaan taraf kewarganegaraan responden. Hampir keseluruhan responden merupakan warganegara iaitu sebanyak 87 responden (91.6%) dan hanya 8 responden sahaja bukan warganegara.

Jadual 5: Taraf Kewarganegaraan

Taraf	Kekerapan	Peratusan (%)
Warganegara	87	91.6
Bukan Warganegara	8	8.4
Jumlah	95	100

Jadual 6 adalah bagi keputusan bagi umur responden. Responden dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun merupakan bilangan responden yang paling tinggi di dalam kajian ini iaitu dengan bilangan 41 responden (43.2%) . Manakala responden dari peringkat umur 18 hingga 30 tahun dengan bilangan 32 responden (33.7%), 41 hingga 50 tahun sebanyak 21 responden dengan peratusan sebanyak 22.1% dan seorang sahaja sahaja reponden berumur 51.

Jadual 6: Umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
18-30	32	33.7
31-40	41	43.2
41-50	21	22.1
50>	1	1.1
Jumlah	95	100

Jadual 7 adalah soalan berdasarkan tempoh perkhidmatan responden. Tempoh perkhidmatan diantara 1 hingga 5 tahun mencatatkan kekerapan sebanyak 28 responden (29.5%) . Majoriti responden dibahagian ini telah berkhidmat diantara 6 hingga 10 tahun iaitu sebanyak 35 responden dengan peratusan 36.8%.Manakala bagi tempoh perkhidmatan 11 tahun dan ke atas adalah seramai 32 responden (33.7%).

Jadual 7: Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	Kekerapan	Peratusan (%)
1 hingga 5tahun	28	29.5
6 hingga 10 tahun	35	36.8
11 tahun dan ke atas	32	33.7
Jumlah	95	100

Analisis Maklumbalas Responden

Taburan nilai skor min dan keputusan bagi penilaian tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja di Amsteel Mill Sdn Bhd Bukit Raja, Klang adalah seperti ditunjukkan Jadual 8 hingga 11.

Jadual 8: Skor Min Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Bil.	Item	Min	Tahap
1	Penampalan polisi syarikat di tempat yang strategik membantu menambah pengetahuan saya mengenai keselamatan.	3.58	Tinggi
2	Latihan induksi yang disediakan oleh pihak syarikat telah membantu saya peka dan mempunyai pengetahuan mengenai keselamatan dengan lebih dalam lagi.	3.66	Tinggi
3	Sebelum menggunakan sebarang peralatan dan jentera untuk bekerja, saya akan memeriksa dan mengikut langkah-langkah keselamatan yang telah didedahkan kepada saya.	3.81	Tinggi
4	Sebagai pekerja saya telah dilatih untuk memastikan setiap kerja yang saya lakukan adalah dengan sepenuh perhatian.	3.96	Tinggi
5	Saya memanfaatkan polisi keselamatan syarikat yang disediakan dengan cara mempraktikkan cara dan langkah-langkah penggunaan jentera dengan selamat bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.	3.95	Tinggi
JUMLAH		3.79	Tinggi

Berdasarkan keputusan yang diperolehi seperti di dalam Jadual 8 tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.79. Ini menunjukkan bahawa pekerja di Amsteel Mill Sdn Bhd amat peka dan sedar mengenai kesedaran keselamatan dan kesihatan semasa ditempat kerja. Manakala bagi keputusan tahap kesedaran pekerja terhadap polisi keselamatan adalah seperti di dalam Jadual 9 di bawah:

Jadual 9: Skor Min Polisi Keselamatan

Bil.	Item	Min	Tahap
1	Saya diberikan satu salinan pernyataan bertulis mengenai dasar keselamatan semasa menjalani latihan industri.	3.64	Tinggi
2	Dasar keselamatan syarikat diletakkan di tempat-tempat yang strategik seperti pintu masuk, papan kenyataan umum dan sebagainya menarik perhatian dan memudahkan saya selaku pekerja.	3.87	Tinggi
3	Dasar keselamatan syarikat diperbaharui setiap tiga tahun sekali.	3.77	Tinggi
4	Syarikat melibatkan pekerja dalam membuat rumusan dan kajian semula dasar seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan) 1996.	3.92	Tinggi
5	Saya dapat membaca dan memahami dasar dan polisi syarikat dengan mudah kerana ia ditulis dalam bahasa yang mudah difahami.	4.00	Tinggi
JUMLAH		3.84	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9 di atas, pekerja Amsteel Mill Sdn Bhd dibahagian operasi mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap polisi keselamatan syarikat dengan skor min keseluruhan 3.84.

Jadual 10: Skor Min Penggunaan Loji dan Bahan

Bil.	Item	Min	Tahap
1	Sebagai pekerja saya mengetahui bahawa loji yang digunakan adalah dalam keadaan sesuai dan betul seperti yang diarahkan sebelum menggunakannya.	3.88	Tinggi
2	Pemeriksaan ke atas loji telah dilakukan oleh pengilang, pereka bentuk, dan pembekal sebelum digunakan oleh kami selaku pekerja.	3.87	Tinggi
3	Bagi membantu mengurangkan risiko kemalangan, pereka bentuk dan pengilang jentera atau loji diwajibkan untuk menjalankan penyelidikan mengenai peralatan atau loji yang akan digunakan oleh pekerja.	3.92	Tinggi
4	Loji dan peralatan adalah dalam keadaan selamat dan tidak berbahaya untuk digunakan oleh pekerja.	3.94	Tinggi

5	Maklumat mengenai bahan dan peralatan yang akan digunakan oleh pekerja adalah lengkap dan boleh dijadikan rujukan untuk mengelakkan berlakunya sebarang risiko kemalangan.	3.86	Tinggi
JUMLAH		3.89	Tinggi

Bagi keputusan untuk skor min tahap kesedaran pekerja terhadap penggunaan loji dan bahan pula adalah 3.89. Sekaligus menunjukkan bahawa tahap kesedaran pekerja terhadap penggunaan loji dan bahan adalah pada tahap yang tinggi dan yang terakhir adalah keputusan bagi pembolehubah bagi peranan dan kewajipan am pekerja dengan skor min seperti ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11: Skor Min Peranan dan Kewajipan Am Pekerja

Bil.	Item	Min	Tahap
1	Sebagai pekerja, saya mengambil perhatian yang munasabah terhadap keselamatan diri saya dan orang sekeliling yang mungkin terjejas oleh tindakan saya atau semasa peninggalan saya.	3.97	Tinggi
2	Saya sudi bekerjasama dengan majikan dan rakan sekerja yang lain sekiranya diarahkan untuk bekerjasama dengan mereka.	3.77	Tinggi
3	Saya sentiasa memakai pakaian perlindungan persendirian atau yang dibekalkan semasa bekerja dan akan memaklumkan kepada majikan sekiranya pakaian tersebut adalah tidak sesuai untuk digunakan semasa bekerja.	3.81	Tinggi
4	Saya mengikuti segala peraturan dan prosedur keselamatan yang dinyatakan dalam prosedur keselamatan operasi yang disediakan oleh majikan.	3.97	Tinggi
A5	Sekiranya saya melanggar peraturan dngan tidak mengikuti etika keselamatan, saya akan di denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga bulan atau kedua-duanya mengikut akta keselamatan kesihatan pekerja AKKP 1994.	3.85	Tinggi
JUMLAH		3.87	Tinggi

Hasil keputusan menunjukkan bacaan min pada 3.87. Ia menunjukkan bahawa tahap kesedaran pekerja terhadap peranan dan kewajipan am pekerja adalah pada tahap yang tinggi

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, tahap kesedaran pekerja Amsteel Mill Sdn Bhd adalah pada tahap yang tinggi bagi kesemua pembolehubah. Ini menunjukkan bahawa pekerja mengetahui dan memahami polisi keselamatan yang disediakan oleh syarikat, mempunyai pengetahuan penggunaan loji dan bahan dengan cara yang betul dan selamat dan pekerja memainkan peranan dan kewajipan sebagai seorang pekerja dengan cekap dan betul. Walaubagaimanapun, Amsteel Mill Sdn Bhd perlu mengambil inisiatif untuk melakukan penambahbaikan terhadap polisi keselamatan dan sentiasa memastikan pekerja diberikan latihan dan peringatan yang kerap agar ia dapat sentiasa meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Dengan melakukan inisiatif ini, ia mungkin dapat membantu mengurangkan atau meniadakan berlakunya kes-kes kemalangan di Amsteel Mill Sdn Bhd. Selain itu, pihak Amsteel Mill dicadangkan agar memastikan polisi serta panduan keselamatan ditulis dalam bahasa yang mudah difahami oleh pekerja. Pihak Amsteel Mill Sdn Bhd juga perlu memastikan bahawa pemeriksaan berkala dilakukan ke atas loji dan bahan sebelum ianya digunakan oleh pekerja. Pihak Amsteel Mill Sdn Bhd juga perlu memastikan setiap pekerja mereka mengikuti segala peraturan dan prosedur keselamatan yang dinyatakan dalam prosedur keselamatan operasi yang disediakan seperti disarankan oleh Akta Keselamatan Kesihatan Pekerja 1994 (AKKP 1994).

Rujukan

- Dilley, H., & Kleiner, B. H. (2006). Creating a culture of How the ups and downs on the job.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. (1970). *ACTIVITIES*, 607–610.
- Lai, D. N. C., Liu, M., & Ling, F. Y. Y. (2011). A comparative study on adopting human resource practices for safety management on construction projects in the United States and Singapore. *International Journal of Project Management*, 29(8), 1018–1032. <http://doi.org/10.1016/j.ijproman.2010.11.004>
- Harper, R., & Koehn, E. (1998). Managing industrial construction safety in Southeast Texas. *Journal Of Construction Engineering And Management*, 124(6), 452-457.
- Mansur, M. & H. S. P. (2009). Keberkesanan latihan keselamatan dan kesihatan dalam mengurangkan kemalangan di tempat kerja. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, 2(4), 293–324.
- Misnani, M. S., Mohammed, A. H., Kadikon, S., Yusof, Z. M., Mahmood, W. Y. W., & Bakri, A. (2007). Pembangunan budaya keselamatan dalam industri pembinaan. *The Malaysian Surveyor*, 42(2), 20–33.
- Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS. Step by step guide to data analysis using SPSS.*
- Raudhiah, N., Nakhiah, S., & Hashim, A. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Amalan Keselamatan Pekerjaan: Kajian Kes Di Sebuah Syarikat Logistik. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM), 2015(November)*, 210–220.
- Wan Rosmini, H. (2000). *Tahap kesedaran pekerjaan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja: Suatu kajian kes di Hume Cemboard Berhad, Primaboard.Unpublished.*

Hubungan antara Keadilan dalam Penilaian Prestasi dan Keuasan Kerja dengan Prestasi Kerja

Amir Asraf Amir Aswan & Noor Raudhiah Abu Bakar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
raudhiah@kuis.edu.my

Received: 08 September 2018

Accepted: 15 November 2018

ABSTRAK

Prestasi kerja seseorang pekerja sangat berkaitan dengan prestasi sesebuah syarikat. Prestasi kerja yang baik akan menyumbang kepada peningkatan prestasi syarikat. Kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja. Kajian ini mengkaji hubungan antara keadilan penilaian prestasi dan keuasan kerja dengan prestasi kerja. Responden terdiri daripada 80 orang pekerja daripada syarikat ternama pembuatan ubat-ubatan di Perak. Kajian ini dijalankan di syarikat tersebut disebabkan terdapat pengaduan dari pekerja tentang ketidakadilan dalam penilaian prestasi dan kekurangan keuasan kerja. Data dikutip menggunakan borang soal selidik secara bersemuka. Analisis deskriptif pembolehubah menunjukkan tahap keuasan kerja dan keadilan dalam penilaian prestasi adalah tinggi di kalangan responden kajian yang berbeza dengan jangkaan awal kajian. Analisis korelasi menunjukkan terhadap hubungan positif yang signifikan di antara keadilan penilaian prestasi dan keuasan kerja dengan prestasi. Ini menunjukkan prestasi kerja dipengaruhi secara signifikan oleh keadilan penilaian prestasi kerja dan keuasan kerja. Semakin tinggi persepsi pekerja tentang keadilan dalam penilaian prestasi serta keuasan kerja, maka semakin tinggi prestasi pekerja tersebut. Penemuan kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan syarikat memahami elemen-elemen penting yang boleh mempengaruhi prestasi kerja para pekerja dan seterusnya menjadikan pengurusan lebih efektif.

Kata kunci: *Keadilan Penilaian Prestasi, Keuasan kerja, Prestasi Kerja*

ABSTRACT

The work performance of an employee is very much related to the performance of a company. Good job performance will contribute to improving the company's performance. Studies on the factors that influence job performance can contribute to improving job performance. This study examines the relationship between performance appraisal justice and job satisfaction and job performance. Respondents consist of 80 employees from top drug manufacturers in Perak. The study was conducted at the company due to workers' complaints about unfairness in performance appraisals and lack of job satisfaction. Data were collected using the questionnaire face-to-face. The descriptive analysis of the variables showed that the level of job satisfaction and fairness in the performance appraisal was high among the respondents of the study which differed from the initial expectations of the study. Correlation analysis showed a significant positive relationship between performance appraisal justice and job satisfaction and achievement. This shows that job performance is significantly influenced by job fairness assessment and job satisfaction. The higher the employee's perception of fairness in performance appraisals and job satisfaction, the higher the employee's performance. The findings of this study will

help the management of the company to understand the key elements that can influence the work performance of the employees and thus make management more effective.

Keywords: *Performance Appraisal Justice, Job Satisfaction, Job Performance*

PENDAHULUAN

Islam mewajibkan umatnya untuk bekerja, kerana bekerja adalah suatu usaha manusia untuk memenuhi keperluan hidupnya dan Allah SWT melarang muslim bermalasan-malasan. Bekerja bagi seorang muslim adalah “suatu upaya yang sungguh-sungguh dengan mengerahkan seluruh asset, fikir, dan zikirnya untuk realisasikan atau menampakkan dirinya sebagai hamba Allah yang harus menundukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai sebahagian dari masyarakat yang terbaik (*khairu ummah*)”. Daripada huraian ini dapat dirungkaikan bahawa agama Islam sangat mementingkan prestasi kerja. Manakala, Maslow (1954) menegaskan bahawa bekerja adalah keperluan manusia yang harus dipenuhi khususnya untuk mencapai keperluan sendiri. Terdapat tiga fungsi mengapa individu bekerja. Individu bekerja adalah untuk dijadikan sumber ekonomi yang membolehkan manusia hidup dalam kesejahteraan; sebagai penyelaras aktiviti hidup; dan penanda atau identifikasi harga diri.

Prestasi kerja boleh didefinisikan sebagai satu proses yang menunjukkan pengurus bertanggungjawab dalam memastikan segala aktiviti dan produktiviti pekerja selari dengan matlamat dan objektif organisasi (West & Neol, 2009). Selain itu, Spector (2003) menyatakan prestasi pekerja yang baik dapat meningkatkan ekonomi negara. Namun, sebaliknya pekerja yang kurang bermotivasi boleh menyebabkan kelemahan dalam sistem pentadbiran sesebuah organisasi akibat kurangnya komitmen sewaktu menjalankan tugas yang diberikan (Azlinda Jaini, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa prestasi kerja penting bagi prestasi organisasi keseluruhannya.

Penilaian prestasi merupakan aspek terpenting dalam mengurus sumber manusia organisasi (Aguinis, Joo, & Gottfredson, 2011; Harrington & Lee, 2015). Hal ini kerana penilaian prestasi boleh bertindak sebagai mekanisme penting bagi mengubah sikap dan gelagat pekerja. Tambahan pula, kajian empirikal juga menunjukkan sistem penilaian prestasi merupakan antara faktor utama yang memberi sumbangan kepada kepuasan hati pekerja (Arsaythamby & Wirda Hashim Zolkepli, 2011; Selvarajan & Cloninger, 2011), motivasi (Abdul Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof, Mohd Khan, Tang & Lim, 2008; Selvarajan & Cloninger, 2011), dan prestasi pekerja dan organisasi (Abdull Sukor Shaari, et al., 2008). Sungguhpun begitu, penilaian prestasi juga mendatangkan ketegangan dan konflik (Berman, Bowman, West & Van Mart, 2006; Choon & Embi, 2012). Sehingga kini, pelaksanaan sistem penilaian prestasi yang adil dan berkesan bukan sahaja merupakan antara tugas pengurusan sumber manusia yang paling mencabar (Gabris & Ihrke, 2000), malah penuh dengan pelbagai masalah (Berman et al., 2006).

Pekerja yang mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi akan meningkatkan komitmennya dan prestasi kerjanya terhadap organisasi (Noorhafaiza & Ferlis, 2010). Robbins dan Judge (2009) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai sikap umum individu terhadap pekerjaannya. Kepuasan kerja merupakan perasaan pekerja terhadap pekerjaannya, hal ini merupakan sikap umum terhadap pekerjaan yang didasarkan penilaian aspek yang berada dalam pekerjaan (Mc Nesse Smith, 1996). Jurses (2003) berpendapat bahawa kepuasan kerja adalah hasil penting dalam aktiviti pasaran buruh. Pekerja yang tidak berpuas hati dengan pekerjaannya boleh meninggalkan pelbagai kesan yang negatif. Permasalahan yang sering dikaitkan dengan tahap kepuasan ialah seperti produktiviti yang rendah, kesetiaan yang diragui dan ketidakhadiran yang tinggi dalam kalangan pekerja. Ketidakpuasan terhadap persekitaran tempat bekerja, teman sekerja, penyeliaan atau kepada peralatan/perkakasan kerja mungkin boleh menyebabkan ketidakselesaan bekerja yang boleh mendorong pekerja berkenaan tidak perkhidmatan mereka yang terbaik untuk majikannya.

Objektif kajian ini adalah (1) mengenalpasti tahap keadilan dalam penilaian prestasi kerja, kepuasan kerja dan prestasi pekerja, (2) mengenalpasti hubungan antara keadilan penilaian prestasi kerja dengan prestasi kerja pekerja dan (3) mengenalpasti hubungan antara kepuasan kerja dengan prestasi kerja pekerja di sebuah syarikat di Perak.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur bagi kajian ini memfokuskan kepada dua faktor utama yang dijangka mempengaruhi prestasi kerja iaitu keadilan dalam penilaian prestasi dan kepuasan kerja.

Keadilan Dalam Penilaian Prestasi dan Prestasi Kerja

Kajian lepas mendapati keadilan dalam penilaian prestasi penting namun terdapat kekurangan kajian lepas yang mengkaji hubungan dengan prestasi kerja. Keadilan penilaian prestasi merujuk kepada tanggapan seseorang individu tentang kesaksamaan dalam penilaian prestasi (Deluga, 1998). Benardin (2003) berpendapat keadilan hanya dipercayai wujud apabila ahli anggota dalam organisasi menerima apa yang mereka percaya layak diterima berasaskan sumbangan yang telah diberikan.

Hasil kajian Kondrasuk (2011) mendapati keadilan penilaian prestasi merupakan antara masalah utama dalam pelaksanaan sistem penilaian prestasi. Persepsi negatif pekerja terhadap penilaian prestasi akan menyebabkan tentangan dari pada pekerja terhadap hasil penilaian prestasi. Dapatan kajian membuktikan pekerja yang mendapat layanan yang adil akan mempunyai sikap dan gelagat yang positif walaupun terpaksa berhadapan dengan kesukaran (Cobb, Wooten & Folger, 1995). Ini menunjukkan bahawa keadilan dalam penilaian prestasi akan meningkatkan prestasi kerja.

Sementara itu, dalam satu kajian yang dilakukan oleh Greenberg dan Barling (1999) mendapati persepsi terhadap persekitaran yang tidak adil akan menyebabkan berlakunya tindakan yang agresif terhadap penilai. Antara kesan-kesan negatif akibat daripada ketidakadilan dalam pelaksanaan penilaian prestasi ialah menyebabkan berlakunya rasa terasing (Haralambos, 1989), konflik (Milkovick & Boudream, 1991; Zall, 2000), kelunturan motivasi bekerja (Randell, Packard & Slater, 1990), kebimbangan di tempat kerja (Longenecker, 1989; Suarez, 1994) dan ketegangan dalam organisasi (Gabris & Ihrke, 2001).

Kesan-kesan negatif ini jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin boleh memberi implikasi sosial dalam pelaksanaan penilaian prestasi sehingga boleh menjejaskan pembangunan organisasi secara keseluruhannya (Ab. Aziz Yusof & Juhary Ali, 2000). Ini menunjukkan sebaliknya semakin kurang keadilan akan mengurangkan prestasi kerja dan menambahkan unsur-unsur negatif. Kajian oleh Fejgin, Ephraty dan KBen-sira (1995), Pastore dan Judd (1992) dan Lim dan Leong (1999) menunjukkan bahawa sesetengah pekerja memang mengalami perasaan tertekan, berang, murung dan lantas mengambil keputusan untuk bersara dan berhenti lebih awal. Terdapat kekurangan kajian yang mengkaji hubungan antara keduanya. Jadi kajian ini ingin mengkaji hubungan antara faktor keadilan dan prestasi kerja.

Kajian ini melihat masalah yang berlaku dalam sebuah syarikat di Perak. Isu yang sering berlaku dalam kalangan pekerja di syarikat tersebut adalah pengurus dan orang atasan menjalankan penilaian prestasi kerja pekerja dengan tidak adil dan saksama. Selain itu, pekerja juga tidak mengetahui maklumat tentang penilaian prestasi. Perkara ini dapat dibuktikan daripada hasil perbualan tidak formal pengkaji dengan pekerja tersebut iaitu kajian kes bagi kajian ini. Kebanyakan daripada pekerja yang ditanya memberikan jawapan berlaku ketidakadilan. Antara alasan yang diberikan oleh pekerja adalah mereka sendiri tidak mengetahui apa-apa maklumat tentang penilaian prestasi kerja. Selain itu, pekerja juga menyatakan bahawa hasil penilaian prestasi kerja tidak setimpal dengan kerja yang mereka lakukan. Ada

juga pekerja yang mengatakan mereka tidak tahu apa yang dinilai dalam borang penilaian prestasi itu sendiri.

Apabila pekerja merasakan keadilan tidak berlaku dalam penilaian prestasi dan pekerja itu sendiri merasakan dirinya ditindas secara tidak langsung akan menurunkan prestasi kerja pekerja dan menjadikan kilang tersebut susah mencapai objektif kilang itu sendiri. Suhaimi (2011) menegaskan bahawa keadilan merupakan unsur utama dalam penilaian prestasi yang akan menentukan kejayaan dan juga penerimaan oleh pekerja, yang akhirnya akan memastikan organisasi mencapai matlamat perniagaan mereka.

Secara kesimpulan, berdasarkan hasil kajian Suhaimi (2011), Ab. Aziz Yusof dan Juhary Ali (2000) yang mendapati semakin tinggi keadilan dalam penilaian prestasi maka semakin tinggi prestasi kerja. Ini membawa kepada Hipotesis 1:

H1: Keadilan dalam penilaian prestasi berhubungan secara positif dengan prestasi kerja.

Kajian ini menjangkakan semakin tinggi peluang kenaikan pangkat maka semakin tinggi kepuasan kerja mereka. Selain dari keadilan dalam penilaian prestasi, kajian ini juga menjangkakan kepuasan kerja juga mempengaruhi prestasi kerja.

Kepuasan kerja

Permasalahan lain yang dikaji adalah kepuasan kerja para pekerja di syarikat tersebut. Robbins dan Judge (2009) telah menyenaraikan beberapa kesan terhadap kepuasan kerja. Pertama, pekerja yang merasa bahagia akan membentuk kerja yang lebih produktif. Kedua, kepuasan kerja berkorelasi secara negatif terhadap ponteng kerja. Pekerja yang memiliki kepuasan kerja yang tinggi akan mencatatkan jumlah kehadiran yang lebih baik berbanding dengan pekerja yang mempunyai kepuasan kerja rendah. Ketiga, kepuasan kerja juga berkorelasi negatif dengan ganti-ganti kerja. Pekerja yang berpuas hati dengan kerjayanya dan tempat kerjanya akan mengurangkan perasaannya untuk bertukar-tukar atau mencari pekerjaan lain.

Isu yang berlaku dalam syarikat tersebut adalah pekerja tidak berpuas hati dalam banyak perkara. Antaranya berkenaan suasana kerja, tugas yang diberikan, ganjaran dan pimpinan orang atasan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui perbualan secara tidak formal dengan pekerja di syarikat tersebut. Apabila kepuasan pekerja menurun secara tidak langsung juga prestasi kerja para pekerja juga akan menurun dan ini membuatkan produktiviti dan keluaran daripada kilang tersebut juga berkurang dan menurun.

Hasil perbincangan isu-isu yang berlaku bersama tujuh orang pekerja di syarikat tersebut yang ingin dirahsiakan identiti masing-masing membuatkan kajian ini ingin mengkaji masalah-masalah yang timbul dalam kilang tersebut. Perkara yang paling memberi masalah dalam kebanyakan faktor ialah keadilan penilaian prestasi dan kepuasan kerja. Kedua-dua faktor ini dijangka memberikan kesan terhadap prestasi kerja pekerja.

Daripada kajian terawal iaitu Staw (1976) menyatakan bahawa kesan daripada kepuasan kerja dapat mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Situasi ini dengan jelas menunjukkan ketidakpuasan kerja pekerja tersebut, maka komitmen terhadap organisasi juga turut terjejas apabila pekerja sudah kurang komited. Oleh itu, komitmen terhadap organisasi dan kepuasan kerja adalah sikap yang paling penting dalam menilai keinginan pekerja untuk berhenti dan juga sumbangan keseluruhan pekerja di tempat kerja (Daud, 2010).

Secara kesimpulan, berdasarkan hasil kajian Daud (2010) dan Staw (1976) yang mendapati semakin tinggi kepuasan kerja maka semakin tinggi prestasi kerja. Ini membawa kepada Hipotesis 2:

H2: Kepuasan kerja berhubungan secara positif dengan prestasi kerja.

Kajian ini menjangkakan semakin tinggi kepuasan kerja maka semakin tinggi prestasi kerja mereka.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik dalam kutipan data. Responden kajian ini adalah merupakan pekerja-pekerja di sebuah syarikat swasta di Perak. Daripada populasi 140 pekerja di sebuah bahagian di syarikat tersebut tersebut seramai 100 orang pekerja telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan keselesaan (convenience sampling). Sebanyak 80 borang soal selidik tersebut telah diterima kembali iaitu sebanyak 80%. Kesemua borang soal selidik yang kembali boleh digunakan.

Analisis kebolehpercayaan bagi semua pembolehubah kajian boleh dirujuk pada Jadual 1 di bawah. Berdasarkan Jadual 1, nilai *Cronbach Alpha* kesemua pembolehubah untuk kesemua faktor adalah berada pada tahap paling tinggi dan memuaskan. Maka dapatlah disimpulkan disini bahawa soalan yang di kemukakan boleh dipercayai dan ianya boleh di fahami oleh responden kajian.

Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Bilangan (soalan)	Kebolehpercayaan
Pembolehubah Bersandar:		
Prestasi kerja	9	0.759
Pembolehubah Tidak Bersandar:		
Keadilan Penilaian Prestasi Kerja	10	0.731
Kepuasan Kerja	10	0.737

HASIL KAJIAN EMPIRIKAL

Hasil kajian empirikal dibahagikan kepada 3 analisis iaitu analisis demografi, analisis deskriptif pembolehubah kajian dan analisis korelasi untuk pengujian hipotesis kajian.

Analisis Demografi

Analisis demografi dalam kajian ini terdiri daripada umur, jantina, status perkahwinan dan tahun perkhidmatan. Berikut adalah Jadual 2 yang menunjukkan maklumat demografi berkaitan responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2: Analisis Demografi

JANTINA	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Lelaki	44	55
Perempuan	36	45
JUMLAH	80	100
UMUR	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
18-25 Tahun	21	26.3
26-35 Tahun	24	30.0
36-45 Tahun	19	23.8
46 Tahun ke atas	16	20.0

JUMLAH	80	100.0
BANGSA	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Melayu	50	62.5
Cina	12	15
India	18	22.5
Lain-Lain	0	0
JUMLAH	80	100
AGAMA	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Islam	50	62.50
Buddha	12	15
Hindu	18	22.50
Lain-Lain	0	0
JUMLAH	80	100
TARAF PERKAHWINAN	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Bujang	29	36.25
Berkahwin	42	52.50
Janda/Duda	9	11.25
JUMLAH	80	100
KELAYAKAN AKADEMIK	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
PMR	0	0
SPM	54	67.50
DIPLOMA	18	22.50
DEGREE	8	10
MASTER	0	0
JUMLAH	80	100
TANGGA GAJI	RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Bawah RM 1,000	0	0
RM 1,000 – RM 2,000	56	70
RM 2,000 – RM 3,000	15	18.75
RM 3,000 – RM 4,000	9	11.25
RM 4,000 dan keatas	0	0
JUMLAH	80	100

Hasil kajian menunjukkan responden terdiri hampir sama banyak antara lelaki dan perempuan. Dari segi etnik pula, majoriti terdiri daripada etnik Melayu iaitu seramai 50 (62.5%) responden. Dari segi status perkahwinan, majoriti responden sudah berkahwin iaitu 52.5% peratus. Majoriti responden kajian adalah bergaji lingkungan Rm1000 hingga RM2000 iaitu sebanyak 70 peratus iaitu 56 orang.

Analisis Nilai Purata Pembolehubah Kajian

Nilai purata menerangkan tentang kecenderungan setiap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Jadual di bawah menunjukkan analisa pengelasan bagi nilai purata dan tahap penilaiannya.

Jadual 3 menunjukkan tahap kepuasan kerja, peluang kenaikan pangkat, pengaruh rakan sekerja dan penyeliaan.

Jadual 3: Analisa Nilai Purata Pembolehubah

Pembolehubah	Skor Min	Tahap Skor
Keadilan Penilaian Prestasi Kerja	3.9450	Sederhana Tinggi
Kepuasan Kerja	4.0325	Tinggi
Prestasi Kerja	4.0889	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan nilai purata keseluruhan kajian bagi keadilan penilaian prestasi, kepuasan kerja dan prestasi kerja. Hasil analisis menunjukkan bahawa pembolehubah bersandar mempunyai nilai purata yang tinggi. Sementara itu, bagi nilai purata bagi pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar juga sederhana tinggi bagi keadilan dalam penilaian prestasi dan tinggi bagi kepuasan kerja. Hasil kajian ini bertentangan dengan jangkaan awal kajian yang menjangkakan tahap keadilan penilaian prestasi dan kepuasan kerja rendah dikalangan responden kajian.

Analisis Korelasi

Penggunaan analisis ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara dua pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Pengujian Hipotesis 1 dan 2 menggunakan kaedah korelasi *Pearson*. Jadual 4 menunjukkan hasil analisa korelasi.

Jadual 4: Analisis Korelasi

Prestasi Kerja	Nilai Kolerasi	Nilai Signifikan
Keadilan penilaian prestasi kerja	.520**	.000
Kepuasan kerja	.937**	.000

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hipotesis 1 menjangkakan terdapat hubungan positif antara keadilan penilaian prestasi dengan prestasi kerja. Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai $P(0.01) < \alpha(0.05)$. Oleh itu, H1 diterima. Maka dapat dirumuskan bahawa H1 diterima iaitu terdapat hubungan positif yang signifikan diantara keadilan penilaian prestasi dengan prestasi kerja. Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian oleh Cobb, Wooten dan Folger (1995) yang juga mendapati pekerja yang mendapat layanan yang adil akan mempunyai sikap dan gelagat yang positif walaupun terpaksa berhadapan dengan kesukaran yang menunjukkan bahawa keadilan dalam penilaian prestasi akan meningkatkan prestasi kerja. Hasil kajian ini juga disokong oleh Telly, French dan Scott (1972) yang menyatakan keadilan perlu wujud kerana ia akan memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan organisasi sama ada dari segi produktiviti, ketidakhadiran dan lantikhenti. Begitu juga Rivai (2009:856) yang menyatakan prestasi kerja pekerja akan meningkat jika penilaian prestasi kerja dilakukan secara adil, rasional objektif dan didokumentasikan dengan baik. Secara kesimpulannya, keadilan penilaian prestasi kerja mempunyai hubungan dan kekuatan dengan prestasi kerja para pekerja.

Hipotesis 2 menjangkakan terdapat hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja. Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai $P(0.03) < \alpha(0.05)$. Oleh itu, H2 diterima. Daripada keputusan ujian yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati kepuasan kerja mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi kerja. Kajian ini disokong oleh kajian terawal iaitu Staw (1976) menyatakan bahawa kesan daripada kepuasan kerja dapat mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Situasi ini dengan jelas menunjukkan ketidakpuasan kerja pekerja tersebut, maka komitmen terhadap organisasi juga turut terjejas apabila pekerja sudah kurang komited. Melalui kajian ini juga mendapati apabila seseorang pekerja itu merasai

kepuasan atau ketidakpuasan hati terhadap pekerjaan, persekitaran dan sebagainya tentang pekerjaannya akan memberi kesan terhadap prestasi kerja pekerja.

Keputusan ujian ini juga dapat dirujuk kajian Jernigan dan Begs (2010) menyatakan bahwa kepuasan kerja adalah sikap individu tentang persepsi mempertahankan pekerjaan mereka. Dengan kata lain dikatakan bahwa pekerja yang merasa puas akan terus bertahan dengan pekerjaannya dan memberikan persepsi positif dan menyenangkan terhadap pekerjaan yang dilakukannya serta akan meningkatkan prestasi kerja pekerja. Secara kesimpulannya, kepuasan kerja sangat mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan pekerja.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk menguji faktor yang mempengaruhi prestasi kerja iaitu keadilan penilaian prestasi kerja dan kepuasan kerja. Hasil kajian mendapati kedua-dua faktor iaitu keadilan penilaian prestasi dan kepuasan kerja mempengaruhi prestasi kerja. Hasil kajian menunjukkan prestasi kerja para pekerja dapat meningkat apabila pengurusan melakukan penilaian prestasi dengan cara yang adil dan saksama bagi setiap pekerja. Ini menunjukkan bahawa elemen adil dalam penilaian prestasi kerja pekerja sangat mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Kajian lepas telah membuktikan pekerja yang mendapat layanan yang adil akan mempunyai sikap dan gelagat yang positif walaupun terpaksa berhadapan dengan kesukaran (Cobb, Wooten & Folger, 1995). Ini menunjukkan bahawa keadilan dalam penilaian prestasi akan meningkatkan prestasi kerja.

Hasil kajian juga mendapati kepuasan kerja juga sangat mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Dalam kajian ini juga menunjukkan hubungan antara kepuasan kerja dengan prestasi kerja adalah kuat dan positif. Tahap bagi kepuasan kerja juga berada pada tangga yang tinggi. Ini bermaksud para responden daripada organisasi berkenaan telah memberi respon yang aktif tentang kepuasan kerja pekerja mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Kajian terawal iaitu Staw (1976) menyatakan bahawa kesan daripada kepuasan kerja dapat mempengaruhi prestasi kerja pekerja. Situasi ini dengan jelas menunjukkan ketidakpuasan kerja pekerja tersebut, maka komitmen terhadap organisasi juga turut terjejas apabila pekerja sudah kurang komited.

Berdasarkan hasil pengujian dapat disimpulkan bahawa keadilan penilaian prestasi kerja boleh memberi kesan terhadap prestasi kerja para pekerja. Selain itu juga, kepuasan kerja juga dapat memberi impak atau kesan terhadap prestasi kerja para pekerja. Oleh itu, pengurusan organisasi haruslah menitikberatkan elemen-elemen ini bagi memastikan prestasi kerja para pekerja sentiasa berada pada tangga yang terbaik dan memuaskan.

References

- Abdul Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof, Mohd Khan Jamal Khan, Tang, S. M., & Lim, K. T. (2008). Keadilan penilaian prestasi dalam kalangan guru dan hubungannya dengan motivasi kerja dan prestasi akademik sekolah. *International Journal of Management Studies*, 15 (Bumper Issue), 159-176.
- Adam, S. (1965). Inequity in social exchange. In L. Berkowitz (ed.). *Advances in Experimental Social Psychology*, 2, 267-299. New York: Academic Press.
- Aguinis, H., Joo, H., & Gottfredson, R. K. (2011). Why we hate performance management And why we should love it. *Business Horizons*, 54(6), 503-507.
- Al-Hussami M (2008) A Study of nurses Job Satisfaction The relationship to organizational Support, transactional Leadership, Transformational Leadership and level of education *Eur J.SG* 286- 295

- Arsaythamby Veloo, & Wirda Hasmin Zolkepli (2011). Atribut sistem penilaian prestasi dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru. *International Journal of Management Studies*, 18(1), 197-216.
- Azlinda Binti Jaini (2013). A Study On the Factors That Influence Employees Job Satisfaction at Scope International (M) Sdn. Bhd. Uitm Shah Alam: Disertasi. Sarjana.
- Aznira binti Zakaria (2014). Pengaruh Kepuasan Kerja Terhadap Prestasi Kerja. Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman
- Berman, E.M., Bowman, J.S., West, J.P., & Van Mart, M. (2006). *Human Resource Management in Public Service: Paradoxes, Processes, and Problems (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- [Bernardin](#) H. J. (2003) *Human Resource Management: An Experiential Approach. McGraw-Hill higher education* Edition 3, McGraw-Hill/Irwin.
- Campbell, J.P. (1990), "Modeling the performance prediction problem in industrial and organizational psychology", in Dunnette, M.D. and Hough, L.M. (Eds), *Handbook of Industrial and Organizational Psychology*, Consulting Psychologists Press, Palo Alto, CA, pp. 687-732.
- Campbell, J.P., Dunnette, M.D., Lawler, E.E., & Weick, K.E. (1970). *Managerial Behavior, Performance, and Effectiveness*. New York: McGraw Hill
- Chen, Z (2001). Further investigation of the outcomes of loyalty to supervisor: Job satisfaction and intention to stay *Journal of Managerial Psychology*; 2001; 16, 7/8; ABI/INFORM Research pg. 650
- Chen, L. H. (2008). Job satisfaction among information system (IS) personnel. *Computers in Human Behavior*, 24, 105-118.
- Choon, L. K., & Embi, M. A. (2012). *Subjectivity, Organizational Justice and Performance Appraisal: Understanding the Concept of Subjectivity in Leading Towards Employees' Perception of Fairness in the Performance Appraisal. Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 62, 189–193. doi:10.1016/j.sbspro.2012.09.030
- Cobb, A. T., Wooten, K. C. & Folger, R. (1995). Justice in the making: Toward understanding the theory and practice of justice in organizational change and development. *Research in Organizational Change and Development* 8:243-295
- Daud, N. (2010). Jaminan Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Terhadap Organisasi.
- Deluga, R.J. (1998). Leader-member exchange quality and effectiveness ratings: The role of subordinate-supervisor conscientiousness similarity. *Group & Organization Management*, 1998, 23, 189–216.
- Fejgin, N. Ephraty, N, & KBen-sira, D. (1995). Work environment and burnout of physical education teachers. *Journal of Teaching Physical Education*. 15. 64-78.
- Gabris, G.T. & Ihrke, D. M. (2000). Improving employee acceptance toward performance appraisal and merit pay systems: The role of leadership credibility. *Review of Public Personnel Administration*, 20(1), 41-53.
- Gabris, G.T. & Ihrke, D. M. (2001). Does performance appraisal contribute to heightened levels of employee burnout? *Public Personnel Management*, 30(2), 157-173.
- Harrington, J. R. & Lee, J.H. (2015). What Drives Perceived Fairness of Performance Appraisal? Exploring the Effects of Psychological Contract Fulfillment on Employees' Perceived Fairness of Performance Appraisal in U.S. Federal Agencies. *Public Personnel Management*, 44(2), 214–238.

- Ibrahim (2012) A Study on Relationship between perception of Supervisor Support , Organizational Support and Job Satisfaction ; Perceptions of Part-Time MBA , *International Journal Of Art and Scient* , CD-ROM. ISSN: 1944-6934 :: 5(1):73–83
- Ivancevich, J. M. (1995). *Human resource management (6th ed)*. Chicago: Irwin.
- James A. F. Stoner "management", 1987. Hal 547. Penilaian Prestasi
- Jurges, H. (2003). *Age, Cohort, and the Slump in Job Satisfaction among West German Workers*. *Labour*, 17(4), 489–518. doi:10.1111/j.1121-7081.2003.00250.x
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005)
- Kondrasuk, J. N. (2011). So what would an ideal performance appraisal look like? *Journal of Applied Business and Economics*, 12(1), 57-71.
- Karim, N,A,H.(2010) The Impac Of Work Related Variables on Librarian's Organizational Commitment and Job Satisfaction , *Malaysian Journal of Library & Information Science*, Vol.15, no.3, Dec 2010: 149-163
- Laurie, N. (2005), Establishing Development Orthodoxy: Negotiating Masculinities in the Water Sector. *Development and Change*, 36: 527–549.
- Lawrie, J. (1990). Prepare for a performance appraisal. *Personnel Journal*, 69, 132-136.
- Lim, K. C & Leong, W. T. (1999). Iklim kerja dan *burnout* di kalangan guru pendidikan jasmani dan kesihatan. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Darulaman*, 1,1-19.
- Maslow. (1954). In Mumtaz Begam Hj. Abdul Kadir, Norasiken Bakar & Norhayatee Ismail. (2002). *Kualiti dalam pengurusan sumber manusia*. Selangor: Fajar Bakti.
- Mc Nees-Smith, Dona, (1996). Increasing Employee Productivity, Job Satisfaction, and Organizational Commitment. *Hospital and Health Services Administration*, Vol.41, No.2, pp.160-175
- Montana, P. J., & Charnov, B. H. (2000). *International management. Management* (h.477-488). New York: Barron's.
- Miner, J. B. (1985). *The practice of management*. London: Charles E. Merrill.
- Noorhafeza H. A. & Ferlis B. (2010) *Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi*. *Jurnal Kemanusiaan* bil.16, Dis 2010
- Pastore, D.C., & Judd, M.R. (1992). Burnout in coaches of women's team sports. *JOPERD*. 4, 74-79.
- Rivai, Veithzal. (2009), *Manajemen Sumber Daya Manusia Untuk Perusahaan*, PT.Rajagrafindo Persada, Jakarta.
- Robbins Stephen P. and Judge, Timothy A. (2009). *Organizational Behavior*, 13th edition. Prentice Hall International Edition. New Jersey., San Diego State University
- Selvarajan, T.T. and Cloninger, P.A. (2011). Can performance appraisals motivate employees to improve performance? A Mexican study. *The International Journal of Human Resource Management*, iFirst 0, pp. 1–22.
- Steers, R. M. (1998), *Introduction to Organizational Behavior*, Scott, Foresman (Glenview).
- Staw, Barry M.(1976). *Psychological Dimensional of Organizational Behavior*. International Editions. Maxwell Macmillan. New Delhi

Suhaimi Sudin (2011). Fairness of and satisfaction with performance appraisal process. *Journal of Global Management*, 2(1), 66-83.

Spector, P.E. (2003). *Job Satisfaction: Application, Assessment, Causes and Consequences*. Thousand Oaks, California: Sage Publications.

West and Noel. (2009). The Impact of Knowledge Resources on New Venture Performance. *Journal of Small Business Management*, 47 (1), 1-22.